**LAMPIRAN A**

**SYARAT & PERATURAN**
**PERTANDINGAN VIDEO MULTIMEDIA**
**SEMPENA PENGANJURAN SIMPOSIUM MAKLUMAT GEOSPATIAL KEBANGSAAN (NGIS) KE-8**

## PENGENALAN

Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan atau dikenali sebagai '*National Geospatial Information Symposium*' (NGIS) adalah merupakan aktiviti dwi tahunan sejak tahun 2004 yang dianjurkan oleh Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE). Simposium ini diadakan sebagai forum perkongsian maklumat dan pengalaman melibatkan komuniti geospatial di kalangan agensi Kerajaan dan swasta serta Institut Pengajian Tinggi di Malaysia. Simposium ini merupakan salah satu usaha NRE ke arah memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan menggunakan teknologi geospatial. Tahun 2018 merupakan penganjuran NGIS kali ke-8 yang diadakan pada 10 – 11 Julai 2018 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Malaysia dan bertemakan "Geospatial: Malaysia Ke Arah 2050".

Objektif penganjuran NGIS ialah untuk:

a. Menyediakan platform untuk membincangkan isu-isu berkaitan maklumat geospatial terkini;
b. Merealisasikan misi kerajaan ke arah kecemerlangan pengurusan maklumat geospatial dalam pelbagai sektor; dan
c. Memperkasa geospatial sebagai platform pembangunan negara menuju 2050.

**DEFINISI GEOSPATIAL**

Geospatial bermaksud apa-apa fitur semulajadi atau binaan di atas muka bumi termasuk permukaan air, laut, bawah tanah dan ruang angkasa yang merujuk kepada sistem rujukan geografi tertentu. Maklumat geospatial merupakan maklumat yang terdapat di dalam peta topografi, peta-peta tematik, pelan, carta dan imej satelit.

Penggunaan maklumat geospatial sangat penting dalam pengurusan keselamatan, pemuliharaan alam sekitar, perancangan pembangunan, pengurusan bencana alam, pengangkutan, pelancongan, pelayaran, penyelidikan, pilihanraya, pendidikan, pembangunan infrastruktur, kawalan penyakit dan sebagainya.

**SYARAT & PERATURAN PERTANDINGAN**

| No. | Butiran | Peraturan |
|---|---|---|
| 1 | Syarat Kelayakan Sekolah | Sekolah-sekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). |
| 2 | Kategori | Terdiri daripada dua (2) kategori dan satu (1) kategori khas :<br>1. Pemenang kategori - Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti<br>a. Tempat Pertama<br>b. Tempat Kedua<br>c. Tempat Ketiga<br>2. Pemenang kategori – Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)<br>a. Tempat Pertama<br>b. Tempat Kedua<br>c. Tempat Ketiga<br>3. Pemenang Kategori - Video Terbaik Undian Media Sosial (Facebook) |
| 3 | Syarat Kelayakan Peserta | Penyertaan terbuka kepada semua pelajar Universiti Awam (UA), Institut Pengajian Tinggi (IPT), Politeknik dan Kolej Komuniti yang berdaftar di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), |

| No. | Butiran | Peraturan |
|---|---|---|
| | | warganegara Malaysia. Penyertaan boleh dihantar secara individu atau berkumpulan tidak melebihi tiga (3) orang. |
| 4 | Borang Penyertaan & Borang Pelepasan Hakcipta | Semua penyertaan mestilah disertakan dengan **Borang Penyertaan & Borang Pelepasan Hakcipta** yang telah lengkap diisi. Penyertaan yang tidak memenuhi syarat & peraturan pertandingan akan terbatal secara automatik. Salinan fotokopi borang penyertaan adalah diterima. Borang penyertaan hendaklah disertakan semasa penghantaran video.<br><br>Borang penyertaan juga boleh dimuat turun di portal Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) Ke-8: http://ngis.mygeoportal.gov.my/ |
| 5 | Bilangan Penyertaan | Setiap kumpulan peserta hanya dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja. |
| 6 | Tema Video Multimedia | Tema yang dipertandingkan adalah mengikut tema persidangan iaitu **"Geospatial: Malaysia Ke Arah 2050".** Durasi video adalah 1-2 minit. |
| 7 | Hasil Karya & Penghantaran | a) Hasil karya/cipta hendaklah asli daripada peserta sendiri dan tidak pernah dihantar di mana-mana pertandingan atau pameran di peringkat tempatan ataupun antarabangsa sebelum ini.<br>b) Resolusi video hendaklah berkualiti sekurang-kurangnya 1080p (High Definition). Setiap video yang dihasilkan hendaklah dalam format MP4 / AVI sahaja.<br>c) Pihak penganjur tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos ataupun kerugian yang ditanggung oleh perserta semasa pembikinan video.<br>d) TIDAK DIBENARKAN menyentuh sentiviti kaum, agama serta politik dalam pembikinan video ini.<br>e) Penerbitan yang mempunyai unsur seks, jenayah, fitnah, menghina dan bertentangan dengan Perlembagaan Negara akan ditolak penyertaan. |

| No. | Butiran | Peraturan |
|---|---|---|
| | | f) Semua elemen multimedia seperti animasi, grafik, ilustrasi dibenarkan dalam menghasilkan video ini<br>g) Peserta dibenarkan menghasilkan video dengan menggunakan bahasa Malaysia atau Inggeris sahaja.<br>h) Kesemua penyertaan adalah menjadi hak milik penganjur.<br>i) Pihak penganjur berhak untuk menerbitkan, mengeluarkan, memapar, mengedar, menyunting dan menayangkan pada skrin mana-mana hasil karya yang menang atau tidak di laman web, pameran, mana-mana media yang lain atau media sosial untuk tujuan penganjur. Video yang digunakan akan dikreditkan kepada pemilik karya.<br>j) Semua peserta akan diberikan Sijil Penghargaan.<br>k) Penghantaran video boleh dibuat melalui:<br>i. Kiriman pos dalam bentuk cakera padat (CD-ROM) (DVD-R) ke alamat:<br>**Sekretariat Pertandingan Video Multimedia,**<br>**Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) Ke-8 2018,**<br>**Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI),**<br>**Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar,**<br>**Aras 7&8, Wisma Sumber Asli,**<br>**No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,**<br>**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,**<br>**62574 Putrajaya.**<br><br>atau<br><br>ii. Penghantaran terus melalui tangan/hadir sendiri ke Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI) kepada Sekretariat Pertandingan Video Multimedia:<br><br>a) Sr Siti Zainun binti Mohamad<br>Emel: sitizainun@macgdi.gov.my<br>Telefon: 03- 8886 1209 |

| No. | Butiran | Peraturan |
|---|---|---|
| | | b) Pn. Nurul Afzan binti Idris<br>Emel: nafzan@macgdi.gov.my<br>Telefon: 03-8886 1230<br><br>atau<br><br>iii. Melalui medium muat naik online iaitu *Google drive*. Sila sertakan Borang Penyertaan yang telah diisi bersama penghantaran. |
| 8 | Tarikh Penting | Tarikh mula pertandingan: **2 April 2018**<br>Tarikh akhir penghantaran video: **3 Mei 2018**<br>Tarikh untuk menghubungi pemenang: **4 Jun 2018**<br>Tarikh hebahan pemenang<br>di facebook.com/mygeoportal: **26 Jun 2018**<br><br>Nama-nama dan video-video pemenang akan diumum dan dipapar pada majlis perasmian 'Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) ke-8' iaitu pada **10 Julai 2018**. |
| 9 | Pengadilan | Penyertaan akan diadili oleh panel berpengalaman yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) ke-8. Kriteria pengadilan adalah berdasarkan kepada karya yang menepati tema, keaslian hasil karya/cipta, kreativiti bahantara yang digunakan serta suntingan video.<br><br>Keputusan hakim adalah muktamad dan segala bantahan serta surat menyurat tidak akan dilayan. |
| 10 | Hilang, Rosak & Pemulangan Hasil Karya/cipta | Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana hasil karya yang hilang atau rosak semasa proses penghantaran. Semua hasil karya/cipta yang dihantar akan menjadi hakmilik penganjur dan tidak boleh dituntut semula. |
| 11 | Hakmilik Karya/cipta | Dengan menyertai pertandingan ini, setiap peserta bersetuju untuk memberi hakmilik karya/cipta kepada pihak penganjur, tidak boleh |

<table>
<tr><th>No.</th><th>Butiran</th><th>Peraturan</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>menuntut atau mengenakan sebarang bayaran royalti terhadap sebarang penerbitan dan pihak penganjur berhak menggunakan hasil karya tersebut dalam apa jua cara sekalipun termasuk dalam mana-mana media di seluruh dunia.<br><br>Pihak penganjur berhak menggunakan informasi pemenang dalam membuat sebarang laporan mengenai pertandingan ini dan untuk tujuan pengiklanan pada pertandingan yang sama pada masa depan.</td></tr>
<tr><td>12</td><td>Kos</td><td>Setiap penyertaan adalah percuma. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas tuntutan bayaran pengangkutan atau sebarang bayaran lain yang terlibat.</td></tr>
<tr><td>13</td><td>Tarikh Tutup</td><td>Tarikh tutup untuk semua penyertaan pertandingan pada 3 Mei 2018.</td></tr>
<tr><td>14</td><td>Aspek Yang Dinilai</td><td>Kreativiti peserta akan turut dinilai termasuk hasil video gabungan pelbagai elemen multimedia.</td></tr>
<tr><td>15</td><td>Sijil Penyertaan</td><td>Semua penyertaan akan menerima sijil penyertaan yang diiktiraf oleh Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar, NRE.</td></tr>
<tr><td>16</td><td>Persetujuan</td><td>Dengan menghantar penyertaan ini, peserta bersetuju bahawa mereka adalah tertakluk di bawah syarat & peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.</td></tr>
<tr><td>17</td><td>Hadiah</td><td>
<table>
<tr><th colspan="2">KATEGORI</th><th rowspan="2">HADIAH</th></tr>
<tr><th>Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti</th><th>Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)</th></tr>
<tr><td>PEMENANG :<br>Pertama<br>Kedua<br>Ketiga</td><td>PEMENANG :<br>Pertama<br>Kedua<br>Ketiga</td><td>RM2,000.00<br>RM1,500.00<br>RM1,000.00</td></tr>
<tr><td colspan="2">LIKE Terbanyak di Media Sosial (FB)</td><td>RM1,000.00</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

| No. | Butiran | Peraturan |
|---|---|---|
| 18 | Pertanyaan | Segala pertanyaan boleh dikemukakan kepada<br>Sekretariat Pertandingan Video Multimedia, Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) Ke-8 2018, Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI):<br><br>a) Sr Siti Zainun binti Mohamad<br>Emel: sitizainun@macgdi.gov.my<br>Telefon: 03- 8886 1209<br>b) Gs. Mohamad Syukri bin Haron<br>Emel: syukri@macgdi.gov.my<br>Telefon: 03-8886 1213 |